

21/09/2002

Bajet prihatin (HL)

Azizi Othman

KUALA LUMPUR, Jumaat - Bajet 2003 yang dibentangkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini, mencatat sejarah kerana buat pertama kali ia tidak membabitkan sebarang kenaikan atau pengenalan cukai baru.

Sebaliknya, bajet itu - istilah baru yang disyorkan Perdana Menteri kerana dianggap lebih tepat berbanding belanjawan - menumpukan kepada empat strategi teras bagi merangsang sektor domestik dalam keadaan persekitaran antarabangsa yang kompetitif.

Strategi itu ialah meningkatkan pelaburan tempatan; mengenal pasti dan meneroka bidang baru; memantapkan sektor perkhidmatan awam; dan memupuk masyarakat progresif serta menjamin kesejahteraan rakyat.

Begitupun, kerajaan terus menghargai sumbangan kakitangan awam berikutan profesionalisme dan pengurusan pentadbiran cekap mereka apabila Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan mengumumkan pembayaran bonus sebulan gaji atau minimum RM1,200.

"Saya berharap wang ini dapat mengurangkan beban, terutama kepada mereka yang bergaji rendah untuk perbelanjaan hari perayaan dan sekolah anak-anak," katanya ketika membentangkan Bajet 2003 di Dewan Rakyat.

Dr Mahathir, yang kelihatan menghidap selesema, mengambil masa dua jam 35 minit membentangkan bajet itu. Ia turut disiarkan secara langsung menerusi stesen televisyen tempatan dan laman web Perbendaharaan.

"Sesungguhnya, saya tidak bercadang untuk menaikkan atau mengenakan sebarang cukai baru. Namun demi memastikan kerajaan mempunyai sumber kewangan menampung perbelanjaan, usaha meningkatkan pematuhan bayaran cukai akan ditingkatkan," katanya.

Berikutan tiada kenaikan atau pengenalan cukai baru, beliau berharap tiada pihak mengaitkan bajet kali ini sebagai gimik pilihan raya kerana kerajaan Barisan Nasional masih mempunyai banyak masa untuk memerintah.

Walaupun tiada insentif kepada rakyat biasa, pelbagai galakan dan insentif yang diberikan kepada swasta dalam Bajet 2003, mampu meningkatkan kesejahteraan rakyat menerusi pertambahan peluang pekerjaan serta pendapatan.

Perdana Menteri turut mengumumkan jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara dijangka berkembang pada kadar menggalakkan iaitu antara 6.0 hingga 6.5 peratus tahun depan.

Bajet 2003 akan mempunyai peruntukan berjumlah RM109.8 bilion, meningkat 9.2 peratus berbanding 2002. Daripada jumlah itu, RM72.84 bilion ialah untuk perbelanjaan mengurus, manakala RM36.96 bilion perbelanjaan pembangunan.

Dengan perolehan negara dijangka berjumlah RM89.79 bilion, akaun keseluruhan Kerajaan Persekutuan dijangka mencatat defisit 3.9 peratus daripada KDNK, susut berbanding 4.7 peratus yang dicatatkan pada 2002.

Bagi mengurangkan kos mengendalikan perniagaan dan meningkatkan lagi daya saing negara, Bajet 2003 menggariskan 10 langkah khusus untuk negara menerusi pemotongan cukai import, perkhidmatan dan jualan.

Selaras usaha menggalak pelaburan domestik, cukai korporat bagi industri kecil dan sederhana (IKS) dengan modal berbayar kurang RM2.5 juta, dikurangkan daripada 28 peratus kepada 20 peratus bagi pendapatan bercukai RM100,000.

Beliau juga mengumumkan pelaksanaan bajet dua tahun membabitkan peruntukan RM985 juta kepada pelbagai kementerian supaya kerja pembangunan awal pelbagai projek dapat dimulakan tahun ini, manakala pelaksanaan

fizikalnya dibuat pada 2004.

Dr Mahathir berkata, kerajaan akan meningkatkan nilai kerja projek bagi pelbagai kelas kontraktor Bumiputera kepada antara RM200,000 hingga RM15 juta daripada antara RM100,000 hingga RM4 juta sekarang.

Langkah itu selaras usaha menjayakan wawasan mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (BCIC) dan selepas mengambil kira nilai kerja kontrak berkenaan tidak diperbaharui sejak tahun 70-an.

Mencerminkan keprihatinan kerajaan terhadap usaha menjamin kesejahteraan rakyat, Bajet 2003 juga memberikan tumpuan khusus kepada tiga aspek utama iaitu pendidikan, penjagaan kesihatan dan memartabatkan peranan wanita.

Beliau mencadangkan RM14.29 bilion diperuntukkan kepada pendidikan rendah dan menengah manakala sejumlah RM8.68 bilion disalurkan kepada usaha mengukuhkan bidang pendidikan tinggi.

Selain itu, katanya, kerajaan bercadang memberi peruntukan sekali saja, berjumlah tunai RM120 setahun, kepada setiap daripada 730,000 pelajar miskin untuk membeli pakaian seragam dan peralatan sekolah, membabitkan kos RM87.8 juta.

Turut dipertimbangkan kerajaan ialah memberikan baucar tuisyen kepada anak daripada keluarga miskin bagi membolehkan mereka mendapat bimbingan guru yang sanggup memberi tuisyen khas di luar waktu sekolah.

Bagi mengurangkan beban belanja persekolahan, Bajet 2003 mencadangkan penubuhan Tabung Simpanan Pendidikan di mana kerajaan akan memberi 'matching grant' bagi setiap ringgit yang disimpan anak daripada keluarga berpendapatan rendah.

Kerajaan memperuntukkan RM7.5 bilion, meningkat hampir 20 peratus berbanding tahun lalu, bagi meneruskan program meningkatkan taraf dan mutu perkhidmatan perubatan serta kesihatan awam.

Berikutan bilangan warga tua yang semakin meningkat, pusat penjagaan golongan itu akan diperbanyakkan dan kerajaan bersedia memberi elaun bangunan khas 10 peratus setahun selama 10 tahun bagi perbelanjaan membeli atau membina bangunan yang dijadikan pusat itu.

Dr Mahathir berkata, sejajar usaha memartabatkan fungsi wanita, Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga akan mendapat peruntukan RM99.1 juta tahun depan, meningkat 68 peratus berbanding tahun ini.

Jumlah cuti yang diberikan kepada kakitangan awam lelaki ketika isteri mereka bersalin akan ditambahkan daripada tiga hari ketika ini, kepada tujuh hari untuk membantu meringankan urusan keluarga.

"Selain itu, untuk membantu urusan keluarga ketika kematian ahli keluarga terdekat, kerajaan bersetuju memberi cuti tanpa rekod sebanyak tiga hari," katanya.